

PERUTUSAN TAHUN BARU 2019
DATO' HJ. NOR AKHIRRUDIN BIN MAHMUD
KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Bismillahir-Rahmannir-Rahim.

Selawat dan Salam Kepada Baginda Rasulullah SAW.

Assalamualaikum Warahmatullahi-wabarakatuh.

Salam Sejahtera

Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana kita masih diberikan ruang bagi melalui Tahun 2019. Dengan itu, saya mengingatkan diri saya dan semua warga kerja Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) supaya mengambil ruang dan peluang ini untuk terus berkhidmat dengan cemerlang dan berintegriti ke arah menjadikan JPSM sebuah agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.

Di tahun 2018, imej JPSM agak tercalar akibat terkait dengan isu-isu integriti dan tadbir urus di kalangan warga JPSM yang telah mendapat liputan media massa. Sebagai institusi utama dalam pengurusan sumber hutan di Semenanjung Malaysia, JPSM harus mempertingkatkan kecekapan, akauntabiliti, integriti, ketelusan dan etika dalam pelaksanaan tugas yang telah diamanahkan. Sistem penyampaian JPSM perlulah cekap dan berkesan. Justeru itu, semua warga JPSM adalah dipohon untuk memberi kerjasama kepada pengurusan tertinggi JPSM yang telah mengatur perubahan-perubahan yang perlu dilaksanakan. Misalnya, adalah dihasratkan SOP Kerja JPSM dapat dimuktamadkan dan diterima pakai sebelum akhir bulan Januari 2019, in shaa Allah. Dalam pada itu, berbanding dengan agensi lain JPSM agak terkebelakang dalam urusan perkhidmatan atas talian. Peningkatan perkhidmatan atas talian tidak hanya meningkatkan sistem penyampaian JPSM tapi juga akan meningkatkan keberkesanan tadbir urus. Sistem komputer bersepadu e-JPSM diharapkan dapat dibangunkan dan dilancarkan pada tahun 2019. Dalam memberi khidmat terbaik kepada orang awam dan pemegang taruh, warga JPSM perlu sentiasa bersedia melaksanakan perubahan dalam mengharungi segala bentuk halangan yang dihadapi. Justeru itu, saya mengesa semua warga JPSM untuk terus membulatkan tekad bekerja bersungguh-sungguh secara berpasukan dalam mengharungi Tahun 2019 yang lebih mencabar ini.

Selaras dengan Visi dan Misi KATS, JPSM adalah komited untuk meningkatkan keluasan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sedia ada iaitu 4.81 juta hektar kepada 5 juta hektar menjelang tahun 2023. Saya yakin dengan kerjasama semua Jabatan Perhutanan Negeri matlamat ini dapat dicapai. Ke arah itu, pelbagai program tahunan telah dirangka dan akan dilaksanakan pada tahun 2019 seperti program penghijauan tanaman 5 juta pokok, program rehabilitasi kawasan terosot dan tanaman persisiran pantai. Kawasan-kawasan yang dibaikpulih ini boleh diwartakan sebagai kawasan HSK yang baru dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

Saya doakan warga JPSM terus komited dalam menjalankan amanah mendokong tanggungjawab sekaligus menyokong Kerajaan membangunkan Negara. Marilah kita mengharungi tahun 2019 dengan penuh harapan.

Selamat Tahun Baru 2019.

Wabillahi-taufik-walhidayah. Wassalamualaikum-Warahmatullahi-wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**DATO' HJ. NOR AKHIRRUDIN BIN MAHMUD
KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**